

KHUTBAH JUMAAT

“ISTIQAMAH MENITI JALAN KEREDAAN ALLAH”

(2 Januari 2026M/ 12 Rejab 1447H)

الْحَمْدُ لِلَّهِ، الْحَمْدُ لِلَّهِ الْغَنِيِّ الْحَمِيدِ، وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.
اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا.
أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Marilah kita bersama-sama memelihara diri dengan iman dan takwa. Pastikan setiap tindakan yang kita lakukan setiap detik masa selari dengan perintah Allah *subhanahu wata'ala*. Peliharakanlah diri kita daripada melanggar segala dosa dan perbuatan yang ditegah-Nya. Mohonlah bantuan daripada Allah *subhanahu wata'ala* dalam setiap urusan harian kita walaupun sekecil zarah, kerana Allah *subhanahu wata'ala* sebaik-baik penjaga dan Yang Maha Pengasih terhadap hamba-hamba-Nya. Semoga Allah *subhanahu wata'ala* memberikan kita kelapangan hati dan ketetapan iman dalam melayari kehidupan.

Khatib juga berpesan jagalah adab solat Jumaat khususnya ketika khutbah disampaikan. Elakkan diri daripada bercakap-cakap dan bermain telefon bimbit serta berilah perhatian kepada bicara khutbah yang disampaikan. Mudah-mudahan kita mendapat panduan dan ganjaran pahala yang sempurna. Pada hari ini khutbah yang akan

disampaikan bertajuk "***Istiqamah Asas Meniti Jalan keredaan Allah***".

Muslimin yang dirahmati Allah,

Kita kini telah berada dalam tahun baharu 2026. Pada masa yang sama, kita juga sedang berada dalam bulan Rejab, iaitu salah satu daripada empat bulan yang dimuliakan dan digalakkan untuk kita memperbanyakkan amalan kebaikan. Saidina Abu Bakrah *radiallahu anhu* meriwayatkan bahawa Nabi *sallallahu alaihi wasallam* bersabda:

((الزَّمانُ قَدْ اسْتَدَارَ كَهَيْئَتِهِ يَوْمَ خَلَقَ اللَّهُ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ، السَّنَةُ اثْنَا عَشَرَ شَهْرًا مِنْهَا أَرْبَعَةٌ حُرُمٌ، ثَلَاثَةٌ مُتَوَالِيَاتٌ: ذُو الْقَعْدَةِ وَذُو الْحِجَّةِ وَالْمُحَرَّمُ وَرَجَبُ مُضَرَ الَّذِي بَيْنَ جُمَادَى وَشَعْبَانَ))

Maksudnya: Waktu berputar sebagaimana keadaannya ketika Allah *subhanahu wata'ala* menciptakan langit dan bumi. Satu tahun terdiri daripada dua belas bulan, daripadanya terdapat empat bulan yang haram (suci) iaitu tiga daripadanya mengikut turutan: Zulkaedah, Zulhijjah dan Muharram, dan yang keempat adalah Rejab yang terletak antara Jamadil Akhir dan Sya'ban.

(Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

Al-Hafiz Ibnu Kathir *rahimahullah* dalam kitab tafsirnya telah menukilkan pendapat Ibn Abbas *radiallahu anhuma* yang menyatakan bahawa setiap kezaliman yang dilakukan di dalam bulan-bulan Haram ini, dosanya adalah lebih besar berbanding

bulan-bulan lain. Begitu juga, amalan soleh yang dilakukan adalah lebih besar pahalanya berbanding bulan-bulan yang lain.

Oleh itu, khatib mengajak kita semua melihat kesempatan bertemu dengan bulan Rejab ini sebagai undangan Ilahi, untuk kita menilai kembali arah perjalanan hidup kita, bukan sekadar dari sudut pencapaian keduniaan, tetapi juga yang lebih utama adalah dari sudut kedudukan kita di sisi Allah *subhanahu wata'ala*.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pernakah kita mengalami situasi melaksanakan pelbagai perkara yang baik pada mulanya dengan penuh semangat, tetapi malangnya terhenti di tengah jalan? Tahukah kita bahawa antara sebab utamanya adalah kita tidak sempat membina kekuatan diri untuk terus bertahan? Di sinilah Islam memperkenalkan satu nilai besar yang sering kita sebut, tetapi begitu sukar untuk benar-benar dihayati iaitu **istiqamah**. Firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam surah Fussilat, ayat 30:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنتُمْ تُوعَدُونَ (٣٠)

Maksudnya: *Sesungguhnya, orang yang menegaskan keyakinannya dengan berkata: "Tuhan kami ialah Allah", kemudian mereka tetap teguh di atas jalan yang betul, akan turunlah malaikat kepada mereka dari semasa ke semasa (dengan memberi ilham): "Janganlah kamu bimbang (daripada berlakunya kejadian yang tidak*

baik terhadap kamu) dan janganlah kamu berdukacita, dan terimalah berita gembira bahawa kamu akan beroleh syurga yang telah dijanjikan kepada kamu.

Ayat tadi menegaskan bahawa iman, bukan sekadar pengakuan, tetapi dibuktikan dengan **istiqamah** yang merupakan daya tahan dalam melakukan ketaatan dan kebaikan, serta kesungguhan untuk meningkatkan mutu keperibadian kita pada setiap masa.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Kehadiran tahun baharu dan bulan Rejab mengingatkan kita bahawa kehidupan rohani bukan perancangan jangka pendek. Ia adalah perjalanan yang panjang. Kejayaan rohani tidak dibina atas semangat yang bersifat sementara, tetapi atas langkah-langkah kecil yang dilakukan secara konsisten, walaupun ketika semangat sedang menurun dan keadaan tidak sempurna.

Islam tidak menuntut kesempurnaan yang terhasil dengan segera. Apa yang dituntut adalah kekentalan dalam melalui liku-liku perjalanan hidup. Maka, apakah antara langkah yang boleh kita ambil untuk membina istiqamah dalam kehidupan yang penuh dengan tuntutan ini?

Pertama: Mulakan perancangan dengan arah dan tujuan yang jelas, bukan sekadar semangat yang berkobar-kobar dan terhenti di pertengahan jalan.

Ramai orang yang bekerja keras, menetapkan sasaran kemajuan dalam bidang kerjaya, kewangan, pendidikan dan keluarga dengan

penuh perancangan. Ini adalah contoh hala tuju yang jelas. Perkara yang sama juga wajar diterapkan dalam urusan agama. Istiqamah bermula dengan niat yang dibulatkan: bahawa setiap usaha kita, sama ada di rumah, di pejabat, di sekolah, atau di masjid, adalah untuk mencari keredaan Allah *subhanahu wata'ala*, kerana kita adalah hamba-Nya!

Dengan niat yang jelas, seorang ayah menyediakan nafkah daripada sumber yang halal untuk seluruh ahli keluarganya. Dengan tujuan yang jelas, seorang ibu juga secara konsisten mendidik anaknya dengan penuh kesabaran. Perkara yang sama dihayati oleh seorang pelajar yang sentiasa mendirikan solatnya walaupun dibebani dengan jadual akademik yang padat— semuanya berjalan atas jalan istiqamah.

Kedua: Membina kebiasaan yang berterusan, bukan sekadar azam yang besar.

Dalam kehidupan seharian, kita sering membuat perancangan dengan baik. Dari jadual perjalanan seharian ke tempat kerja, kepada tarikh mesyuarat, jadual peperiksaan persekolahan dan sebagainya, semuanya menuntut tahap disiplin yang tinggi. Disiplin yang sama juga wajar kita terapkan dalam kehidupan rohani dan ibadah kita.

Istiqamah tidak dibina dengan perubahan drastik, tetapi dengan kebiasaan kecil yang konsisten, seperti rutin membaca beberapa ayat al-Quran setiap hari walaupun hanya beberapa minit, zikir

ringkas dalam perjalanan, sedekah kecil secara tetap, dan berusaha menjaga sangka baik dalam hubungan seharian, sama ada dengan rakan sekerja, kariah, atau ahli keluarga. Kebiasaan-kebiasaan kecil inilah yang membina daya tahan iman apabila ujian mendatang.

Ketiga: Menyandarkan perjalanan hidup ini kepada Allah *subhanahu wata'ala*, bukan kepada kebolehan diri semata-mata. Ingatlah bahawa kita hanyalah hamba Allah *subhanahu wata'ala*. Ujian dan nikmat yang datang adalah cara Allah *subhanahu wata'ala* mendidik dan mengangkat darjat kita. Ramai yang bersemangat ketika memulakan perjalanan, tetapi lesu di pertengahan jalan, kerana mereka memikul segalanya secara bersendirian, terlupa meletakkan pengharapan dan sandaran kepada Tuhan Sekalian Alam. Istiqamah yang sebenar lahir daripada tawakkul, iaitu kesedaran bahawa kita bergerak dengan bantuan Allah *subhanahu wata'ala*. Maka, jangan biarkan doa menjadi sekadar penutup ibadah, tetapi jadikan ia dan tawakkal sebagai sumber kekuatan dalam kehidupan seharian.

Kaum muslimin yang berbahagia,

Imam Ibnu Rajab al-Hanbali *rahimahullah* menukilkan dalam kitabnya *Lato'if al-Ma'arif* kata-kata Abu Bakar al-Warraq al-Balkhi *rahimahullah* yang berbunyi:

"شَهْرُ رَجَبٍ شَهْرٌ لِلزَّرْعِ، وَشَعْبَانَ شَهْرُ السَّقْيِ لِلزَّرْعِ، وَرَمَضَانَ شَهْرٌ حَصَادِ الزَّرْعِ"

Maksudnya: *Rejab ialah bulan penyemaian benih, Sya'ban adalah bulan penyiramannya, dan Ramadan adalah bulan penuaian.*

Justeru, janganlah kita lepaskan musim menyemai amalan kebaikan ini tanpa benih istiqamah. Mudah-mudahan Allah *subhanahu wata'ala* memberkati kita di bulan Rejab dan Sya'ban, dan mempertemukan kita dengan Ramadan dalam keadaan iman yang lebih teguh, hati yang lebih tenang, dan kehidupan yang lebih bermakna. Amin, ya Rabbal 'Alamin.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Sebelum mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita menghayati beberapa rumusan khutbah pada hari ini, antaranya:

Pertama: Bulan Rejab adalah salah satu bulan haram (bulan yang mulia) yang pahala amal kebaikan dilipatgandakan berbanding bulan-bulan yang lain.

Kedua: Kejayaan tidak dibina atas semangat yang bersifat sementara, tetapi atas langkah-langkah kecil yang dilakukan secara istiqamah (konsisten).

Ketiga: Setiap usaha hendaklah disertai dengan sifat tawakkal, iaitu kesedaran bahawa kita bergerak dengan bantuan Allah *subhanahu wata'ala* dan juga dengan istiqamah.

Akhirnya, marilah kita bersama-sama menghayati firman Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah Fussilat, ayat 6 :

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ. بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ.
قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَهُكُمُ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ فَاستَقِيمُوا إِلَيْهِ
وَأَسْتَغْفِرُوا لَهُ ۚ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ (٦)

Maksudnya: Katakanlah (wahai Muhammad): "Sesungguhnya aku hanyalah seorang manusia seperti kamu; diwahyukan kepadaku bahawa Tuhan kamu hanyalah Tuhan yang Satu; maka hendaklah kamu tetap teguh di atas jalan yang betul lurus (yang membawa kepada mencapai keredaan-Nya), serta pohonlah kepada-Nya mengampuni (dosa-dosa kamu yang telah lalu). Dan (ingatlah), kecelakaan besar bagi orang yang mempersekutukan-Nya (dengan sesuatu yang lain).

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ، أَقُولُ
قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ
وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ
الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH JUMAAT KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ. الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ لَعَلَّكُمْ تُفْلِحُونَ.

Kaum muslimin yang dirahmati Allah,

Pada musim hujan ini, khatib menyeru agar kita sentiasa berwaspada dan mematuhi nasihat yang diberikan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa sama ada yang berkaitan dengan kemungkinan banjir mahupun keadaan perairan untuk apa sahaja aktiviti.

Pada masa yang sama, istiqamahlah mengimarahkan masjid dan surau dengan solat fardu berjemaah dan majlis-majlis ilmu. Bimbinglah ahli keluarga kita agar tetap menjaga solat lima waktu.

Perkukuhkanlah perpaduan dengan sikap saling menghormati dan bekerjasama sesama masyarakat. Inilah asas kestabilan, kemakmuran dan keharmonian Sarawak dan negara kita, Malaysia. Pastikan juga rezeki yang kita perolehi adalah halal lagi baik, kerana makanan yang halal adalah sumber keberkatan hidup. Daripada Abu Hurairah *radiallahu anhu* bahawa Rasulullah *sallallahu alaihi wasallam* telah bersabda:

((أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا ...))

Maksudnya: *Wahai manusia! Sesungguhnya Allah itu Maha Baik, dan Dia tidak menerima melainkan yang baik.*

(Hadis riwayat Imam Muslim)

Hidup beragama bukan hanya pada ibadah, tetapi juga dengan menjauhi perkara yang memudaratkan. Justeru, hendaklah kita menjauhkan diri dan keluarga daripada gejala penyalahgunaan dadah, perjudian dan segala bentuk maksiat. Semua ini hanya membawa kepada kehancuran hidup dan meruntuhkan masa depan kita dan umat.

Pada hari yang mulia ini juga, perbanyakkanlah selawat ke atas Nabi Muhammad *sallallahu alaihi wasallam* seperti yang diperintahkan oleh Allah *subhanahu wata'ala* dalam Surah al-Ahzab, ayat 56:

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا.

Maksudnya: *Sesungguhnya Allah dan malaikat-Nya berselawat (memberi segala penghormatan dan kebaikan) kepada Nabi (Muhammad sallallahu alaihi wasallam); wahai orang yang beriman, berselawatlah kamu kepadanya serta ucapkanlah salam sejahtera dengan penghormatan yang sepenuhnya.*

اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا صَلَّيْتَ
عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، وَبَارِكْ عَلَىٰ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ
وَعَلَىٰ اٰلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ، كَمَا بَارَكْتَ عَلَىٰ سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ وَعَلَىٰ اٰلِ
سَيِّدِنَا اِبْرَاهِيْمَ، فِي الْعَالَمِيْنَ، اِنَّكَ حَمِيْدٌ مَّجِيْدٌ.

وَارْضَ اللّٰهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِيْنَ الْمُهَدِّيْنَ، سَادَاتِنَا اَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ
وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ، وَعَنِ الصَّحَابَةِ وَالتَّابِعِيْنَ لَهُمْ بِاِحْسَانٍ اِلَى يَوْمِ الدِّيْنِ.
اَللّٰهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِيْنَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِيْنَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْاَحْيَاءِ مِنْهُمْ
وَالْاَمْوَاتِ. اِنَّكَ سَمِيْعٌ قَرِيْبٌ مُّجِيْبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.

Ya Allah, Ya Rahman, Ya Rahim, bantulah saudara-saudara kami di mana sahaja mereka berada, khususnya di bumi Palestin. Kurniakanlah mereka perlindungan, keamanan, dan kemenangan. Angkatlah segala penderitaan, kesedihan, peperangan dan permusuhan daripada mereka dengan rahmat-Mu, wahai Tuhan Yang Maha Pengasih.

Ya Allah, Ya Ghaffaar, ampunilah segala dosa-dosa kami, ibu bapa kami, keluarga dan guru-guru kami. Limpahkanlah kepada kami kesejahteraan dan kebahagiaan di dunia dan di akhirat.

Ya Allah, Kurniakanlah kecemerlangan pendidikan kepada anak-anak kami dalam apa sahaja bidang yang mereka ceburi. Tambahkanilah ilmu yang bermanfaat kepada mereka, suburkanlah

jiwa mereka dengan akhlak yang mulia dan terpuji, Jadikanlah anak-anak kami pemimpin dalam kalangan orang yang bertakwa.

Ya Allah, Ya Hadi, Ya Hakim, berikanlah taufiq dan hidayat-Mu kepada kami semua dan juga kepada pemimpin-pemimpin Negara kami, khasnya kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong Malaysia, dan juga pemimpin-pemimpin negeri kami, khususnya Tuan Yang Terutama Yang di-Pertua Negeri Sarawak.

Ya Allah, Ya Hafiz, Jadikanlah kami umat yang berintegriti, bersatu-padu, dan umat yang terbilang dalam semua bidang yang kami ceburi demi mendukung negara yang maju dan makmur serta mendapat perlindungan-Mu, ya Allah. Kekalkanlah perpaduan kami atas pegangan Ahli Sunnah Wal Jamaah. Limpahkanlah nikmat keselamatan, kesihatan, dan ketenangan, serta lindungilah kami daripada segala musibah, wabak dan bala yang tidak diingini.

اللَّهُمَّ بَارِكْ لَنَا فِي رَجَبٍ وَشَعْبَانَ وَبَلِّغْنَا رَمَضَانَ.
رَبَّنَا أَتْنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. أَمِينَ،
أَمِينَ يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

عِبَادَ اللَّهِ. إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ. وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ
يَذْكُرْكُمْ. وَاشْكُرُوهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ. وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ. أَقِيمُوا الصَّلَاةَ.